

TINJAUAN PENGGUNAAN TV PENDIDIKAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
DI SEKOLAH-SEKOLAH DAERAH RANAU

OLEH : LOSININ BIN JOHALIN, PASUKAN KAJIAN TINDAKAN SABAH

ABSTRAK

TV pendidikan melalui astro merupakan sebahagian daripada program Kementerian Pendidikan yang dipertanggungjawabkan kepada pihak Bahagian Teknologi Pendidikan. Ia dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dengan pemasangan peralatan perkakasan (hardware) dan perisian rancangan (software) di sekolah-sekolah dan di Pusat-pusat Kegiatan Guru dalam beberapa fasa. Daerah Ranau, yang mengandungi 77 buah sekolah yang terdiri daripada 68 buah sekolah rendah dan 9 buah sekolah menengah dalam tiga peringkat ini menyaksikan 43 buah sekolah terlibat dalam pemasangan fasa pertama, 26 buah dalam pemasangan fasa kedua dan 4 buah sekolah dalam pemasangan fasa ketiga. Sehingga kini hanya 4 buah sekolah lagi yang belum dipasangkan dengan peralatan astro ini iaitu semuanya adalah sekolah rendah. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui status serta keadaan sebenar penggunaan TV pendidikan melalui astro dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di dalam bilik darjah bagi sekolah-sekolah daerah Ranau. Dilihat dari segi keperluan kajian ini, pengkaji berpendapat bahawa terdapat beberapa masalah serta keadaan yang perlu dikenalpasti sebagai punca utama mengapa siaran TV pendidikan kurang dimanfaatkan oleh guru-guru di sekolah sebagai salah satu prasarana atau sokongan kepada proses P&P di dalam kelas. Memang tidak dapat dinafikan bahawa TV pendidikan melalui astro ini merupakan salah satu kemudahan yang menarik minat murid dalam proses P&P. Dalam temubual secara rawak ke atas 30 orang guru mendapati 100% responden berkenaan menyatakan pendapat yang sama. Kajian juga mendapati 93.3 % guru mahu supaya ada siaran TV Pendidikan ini 6.67% lagi tidak menyatakan komen. Walau bagaimanapun hasil dri pada kajian ini mendapati bilangan sekolah yang menggunakan kemudahan TV pendidikan ini masih lagi di tahap yang rendah. Maklumbalas yang dihantar oleh respondan yang terlibat dalam instrumen borang soal selidik menggambarkan hanya 36.36% sekolah yang telah menggunakan TV pendidikan ini. Kebolehpercayaan terhadap kajian ini adalah tinggi berdasarkan kepada bilangan respondan yang memberikan maklumbalas yang terdiri daripada pelbagai kategori (tempat mengajar, kelulusan, tempoh perkhidmatan, jantina, opsyen dan jawatan)

1. PENDAHULUAN

Siaran TV Pendidikan melalui astro mula diperkenalkan di daerah Ranau bermula pada tahun 2000. Dalam fasa pertama sebanyak 46 daripada 77 buah sekolah telah dipasang dengan peralatan astro. Faktor yang telah diambilkira dalam pemasangan peralatan astro tersebut adalah :

- a) mempunyai set televisyen.
- b) mempunyai janakuasa elektrik; dan
- c) ada jalan perhubungan serta pengangkutan.

Faktor-faktor di atas merupakan syarat-syarat penting yang perlu ada bagi sesebuah sekolah supaya dapat dipasangkan dengan peralatan astro. Ini adalah kerana pihak Kementerian Pendidikan Malaysia tidak mahu pemasangan astro akan merugikan kerajaan kerana tidak dapat dimanfaatkan oleh guru-guru serta pihak sekolah untuk memantapkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Walau bagaimanapun, pihak pengkaji mendapati terdapat isu-isu tertentu berhubungkait dengan penggunaan TV pendidikan melalui astro ini yang boleh dikongsi bersama di antara semua pihak yang terlibat bagi memikir serta mencari penyelesaian terhadap masalah-masalah yang timbul.

2. PERNYATAAN MASALAH

Sejak siaran TV pendidikan melalui astro diperkenalkan di sekolah-sekolah termasuklah Daerah Ranau, terdapat banyak laporan yang diterima oleh Pegawai Penyelaras PKG Daerah Ranau sama ada secara lisan atau bertulis. Kebanyak daripada laporan tersebut menyentuh tentang kekangan-kekangan yang menghalang perlaksanaan program tersebut di sekolah-sekolah. Dalam andaian awal, perkara-perkara berikut merupakan punca-punca kegagalan penggunaan siaran TV Pendidikan dalam P&P iaitu:

1. Keadaan set televisyen yang digunakan
2. Keadaan set Digital Multimedia Terminal (DMT)
3. Sumber janakuasa
4. Jadual waktu siaran TV Pendidikan terbitan BTP
- 5.

3. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

- 3.1 Mengenalpasti status penggunaan TV Pendidikan melalui astro sekolah-sekolah daerah Ranau
- 3.2 Mengenalpasti jenis siaran yang kerap digunakan oleh guru-guru semasa P&P

- 3.3 Membantu ke arah perubahan yang lebih baik dalam penggunaan TV Pendidikan
4. Membantu pihak lain mengenalpasti serta mencari penyelesaian ke atas semua masalah yang berlaku.

4. METODOLOGI KAJIAN

- 4.1 Fokus kajian ini adalah seperti berikut:
- Status penggunaan TV Pendidikan dalam P&P
 - Saluran siaran yang digunakan oleh guru.

- 4.2 Jadual perlaksanaan:

<u>PERKARA</u>	<u>TARIKH</u>
i) Refleksi	Januari hingga Februari 2009
ii) Penyediaan instrument	Minggu Pertama Mac 2009
iii) Penyediaan kertas dan jadual kerja	Minggu Kedua Mac 2009
iv) Penentuan respondan bertulis dan lisan	Minggu Ketiga Mac 2009
v) Penghantaran instrumen bertulis serta kajian secara lisan	Minggu keempat Mac 2009
vi) Memproses dapatan kajian	Minggu kedua April 2009
vii) Penulisan laporan kajian	Minggu ketiga April 2009
viii) Renungan dan refleksi	Minggu keempat April 2009

- 4.3 Kaedah Kajian adalah dengan menggunakan 2 instrumen iaitu:

- a) Borang soal selidik
- Borang soal selidik yang mengandungi item-item seperti nama sekolah, bilangan pelajar dan guru.
 - Borang soal selidik yang mengandungi kajian kekerapan menggunakan TV Pendidikan, tajuk, jenis siaran, tarikh, waktu siaran, bilangan penonton.
 - Borang soal selidik yang mengandungi ruang komen perlaksanaan TV Pendidikan
 - Borang soal selidik yang mengandungi maklumat guru penyelars TV Pendidikan

- b) Instrumen lisan yang mengandungi soalan-soalan tentang kebergunaan TV pendidikan dalam P&P, kesan penggunaan TV Pendidikan ke atas P&P, Pendapat-pendapat umum tentang perlaksanaan TV Pendidikan di sekolah.

5. *TINJAUAN AWAL*

5.1 Tinjauan awal telah dilakukan melalui laporan klien PKG sama ada secara bertulis atau lisan (datang sendiri atau telefon) mengenai masalah-masalah penggunaan TV Pendidikan.

5.2 Aduan yang sama juga diterima daripada pihak pentadbir sekolah semasa mesyuarat kurikulum atau pentadbiran di peringkat daerah.

5.3 Laporan yang sering diterima adalah seperti berikut:

- i) kerosakan set dan kegagalan penggunaan siaran
- ii) Jadual waktu siaran lambat sebulan
- iii) Masalah teknikal yang dihadapi oleh guru

6. *PENILAIAN KAJIAN*

A) Dalam kajian melalui borang soal selidik beberapa dapatan penting telah diperolehi. Antaranya ialah:-

6.1 Sekolah yang menggunakan kemudahan siaran TV Pendidikan melalui astro sama ada terbitan BTP (Saluran 13), saluran TV1, TV2, TV3, NTV7, 11, 50, 51, 52 dan 61 dengan kadar walaupun hanya satu siaran sahaja dalam tempoh 3 bulan pertama 2009 ialah 36.36%. 63.64% lagi tidak menjalankan TV Pendidikan dengan pelbagai sebab.

6.2 Kajian mendapati sebab utama kegagalan menggunakan siaran TV Pendidikan adalah seperti berikut:

- | | |
|---------------------------|-----|
| i) Masalah televisyen | 36% |
| ii) Generator (janakuasa) | 24% |
| iii) Masalah pada ASTRO | 12% |
| iv) Jadual waktu lewat | 8% |
| v) Tiada alasan | 20% |

6.3 Daripada bilangan tersebut saluran 13 paling banyak digunakan dengan kadar 33.33%. Ini diikuti oleh saluran Discovery Channel 50 (20.24%), 51 Animal Planet (15.48%), 61 Disney Channel (14.26%), 52 National Geographic (9.55%), 11 (5.95%) dan TV RTM (1.19%).

6.4 Kajian juga mendapati sebanyak 67.47% daripada penggunaan siaran TV Pendidikan digunakan dan proses P&P Tahap 2 dan 32.53% di Tahap 1.

6.5 Mata Pelajaran Sains telah dikenalpasti sebagai yang tertinggi menggunakan siaran TV Pendidikan. Ini adalah disebabkan oleh kandungan siaran dalam pakej yang banyak tertumpu kepada dokumentari sains dan geografi seperti di saluran 50, 51 dan 52.

B) Kajian secara lisan

6.6 secara rawak ke atas 30 orang guru mendapati 100% respondan bersetuju bahawa proses pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan TV Pendidikan menarik minat murid.

6.7 Daripada 30 orang respondan berkenaan 56.67% pernah menggunakan siaran TV Pendidikan dalam P&P secara langsung. 6.66% lagi menggunakan Video Off Air dan selebihnya tidak pernah.

7. REFLEKSI

7.1 Hasil daripada kajian ini, kita dapat kebanyakan guru bersetuju TV Pendidikan banyak memberikan kebaikan jika digunakan dengan betul semasa P&P.

7.2 Walaupun kebanyakan guru bersetuju dengan pendapat di atas, namun tidak semua guru dapat menggunakan siaran TV Pendidikan ini atas beberapa sebab.

7.3 Oleh itu, pihak-pihak tertentu perlulah mengambil langkah serta membantu untuk mengurangkan masalah yang dihadapi agar siaran TV pendidikan ini dapat dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar.

8. PENUTUP

Adalah diharapkan agar TV Pendidikan yang telah dibekalkan oleh kerajaan dapat dimanfaatkan oleh pihak sekolah demi anak-anak bangsa yang dikasihi. Mereka pasti memerlukan kemudahan ini kerana terdapat banyak rancangan menarik yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Bibliografi:

- Nik Azis Nik Pa. 1997. *Konsep tentang realiti dan prospek pendidikan di abad ke 21*. Jurnal Kebangsaan Pengetua-Pengetua Sekolah Menengah Malaysia. 2: 37-52.
- Phillips, Rob. 1977. Interactive Multimedia: A practical guide for educational applications. USA: Kogan Page.
- Reiber, L.P. (1994). Computer-based Microworlds: A bridge between constructivisme and direct instruction. Educational Technology Research and Development, 40 (1)
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 1991. Pembelajaran secara Konstruktivisme. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Alessi, S.M. & Trollip, S.R. (1991). *Computer-based instruction: Methods and development*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.